

# 20 tahun FPSK UMS mengasimilasi ilmu kepada masyarakat

Ramai graduan cemerlang dilahirkan, mencipta kejayaan bermakna untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara

UB 24.12.2023 P.08

KOTA KINABALU: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memulakan langkahnya pada tahun 2003 dengan misi dan visi untuk menjadi pusat asimilasi (assimilation) dan penyebaran (dissemination) ilmu pengetahuan, penemuan, inovasi dalam bidang perubatan, sains kesihatan melalui aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perkembangan kesihatan kepada masyarakat.

Lima tahun selepas itu, iaitu pada tahun 2008, graduan sulung fakulti ini telah dihasilkan dan kini, FPSK telah menelusuri 20 tahun proses asimilasi serta penyebaran ilmu pengetahuannya.

Natiujahnya, sebanyak 16 generasi graduan telah dihasilkan termasuklah generasi graduan pada Majlis Konvokesyen UMS kali ke-25 baru-baru ini melibatkan 158 graduan, menjadikan jumlah kumulatif alumnii FPSK kini 1,821 orang.

Pada majlis konvokesyen edisi ke-25 itu, FPSK turus mencipta sejarah gemilangnya apabila buat julung kalinya, pengasas dan dekan pertama FPSK (2003-2011) iaitu Prof. Dr. Osman Ali dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus oleh Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahirudin yang juga Canselor UMS semasa sidang pertama majlis konvokesyen berkenaan.

Penganugerahan itu adalah atas peranan signifikan beliau dalam memajukan infrastruktur asas, pendidikan dan penyelidikan fakulti, termasuklah penubuhan Pusat Pendidikan Perubatan Desa atau Rural Medical Education Centre (RMEC) pada 2009 di Sukiati, Kudat.

Graduan Izahad Doktor Perubatan FPSK, Dr. Tang Yi Lin turut mencipta sejarah apabila dianugerahi Pingat Emas Canselor buat julung kalinyan tersebut mendapat putra-putra nilai gred PNGK 3.97.

Telah menjadi tradisi fakulti ini, majlis 'Celebrate Your Success' telah diadakan sebelum majlis konvokesyen di Auditorium Utama FPSK sebagai platform meraih, mengharga dan mengiktiraf kejayaan para graduan serta penasihat akademik (supervisor) terlibat.

Antara pengisian utama majlis adalah acara 'hooding ceremony', penyampaian anugerah dan hadiah khas graduan cemerlang termasuk-



**ALBUM:** Dekan dan pensyarah bersama graduan pascasiswazah (DrPH, MPH dan MMedSc.) selepas selesai majlis konvokesyen di Dewan Canselor UMS bagi graduan berkenaan.



**CEMERLANG:** Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Prof. Dr. Osman Ali.

lah Hadiah Osman Ali serta osi ikrar 'Physician's Oath' oleh graduan perubatan dan Nightingale Pledge daripada graduan kejururawatan.

Kedua-dua ikrar ini merupakan tradisi dalam kalangan graduan perubatan sebagai manifestasi dan komitmen memelihara prinsip, etika dan profesionalisme dalam kalangan doktor serta pengamal perubatan sahaisah.

Hadiyah Osman Ali telah dimulakan sejak tahun 2022 merupakan sumbangan dan ihsan daripada Prof. Dr. Osman Ali sendiri. Dr. Tang Yi Lin, graduan Doktor Perubatan yang juga penerima anugerah Pingat Emas Canselor adalah penerima hadiah khas ini.

Prof. Dr. Osman Ali ketika berkongsi pengalaman dan aspirasi beliau kepada kakitangan dan graduan FPSK dalam sesi 'Inspirational Talk' menyatakan FPSK kini terus mengalami kemajuan yang membanggakan, apalah lagi apabila Hospital UMS (HUMS) siap beroperasi kelak.

Justeru, beliau menyarankan para graduan agar terus berkhdmat dan sentiasa memajukan ilmu serta keperluan perubatan masing-masing untuk kesehjahteraan diri dan orang lain khususnya pesakit mereka di masa hadapan.

Dalam pada itu, alumni merupakan aset bernilai yang menjadi output operasi dan proses pembelajaran serta

pengajaran di sesebuah institusi pendidikan, sekali gus menjadi katalis pembangunan sosioekonomi masyarakat dan negara.

Alumni FPSK UMS yang berjumlah 1,821 orang telah dan akan kembali berkhdmat sama ada sebagai seorang doktor pakar perubatan atau pekerja profesional sains kesihatan lain.

Terdapat juga alumnii seperti 'sirih pulang ke ganggang', kembali menabur khidmat kepada almarhumnya, dan langkah murni ini bukan sahaja mampu mendidik pelajar baharu menjadi pakar perubatan seperti mereka, tetapi pada masa yang sama membantu memperkuatkan tenaga pakar perubatan di fasiliti

**ASET BERNILAI:** Program KPT Prihatin MADANI oleh HUMS melibatkan kakitangan dan pelajar

FPSK

kesihatan negara.

Contohnya, Dr. Yeap Boon Tat, alumni generasi pertama FPSK yang kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan Perubatan dan juga seorang pakar buis otak (neuroanaesthesiologist).

Beliau telah mencipta sejarah bersama pakar perubatan dari Hospital Queen Elizabeth 2 (HQE2) Kota Kinabalu, Sabah apabila berjaya melaksanakan pembedahan otak secara sedar atau 'awake craniotomy' buat julung kalinya di Sabah pada 12 Januari 2023.

Selain penghasilan graduan atau alumni, impak proses asimilasi dan penyebaran ilmu pengetahuan fakulti juga dapat dilihat pelaksanaan program community engagement, selaras dengan inisiatif Kementerian Pendidikan

Tinggi (KPT) yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan komuniti yang dikenali Service Learning Malaysia-University For Society atau ringkasnya SULAM.

Dalam hal ini, FPSK merupakan antara fakulti yang aktif melaksanakannya melalui Program Perkongsian Universiti-Keluarga atau ringkasnya PUPUK yang telah dilaksanakan secara berturut-turut sejak awal penubuhan FPSK pada tahun 2003.

Program ini wajib disertai oleh semua pelajar, dengan setiap pelajar mendapat keluarga angkat dan perlu melaksanakan sekurang-kurangnya 15 kali lawatan kepada keluarga angkat masing-masing sepanjang lima tahun pengajian mereka.

Program (HPP) di samping aktiviti Community Outreach Program (COP) melalui kerjasama HUMS dan KPT yang dikenali sebagai program KPT Prihatin MADANI.

Semoga kelestarian proses asimilasi dan penyebaran ilmu oleh fakulti ini terus terlaksana dan dapat diperkisas lagi selaras dengan aspirasi pihak pengurusan universiti pada masa kini iaitu meletakkan UMS sebagai 'Leading Towards Innovative Societies'. Selamat menyambut ulang tahun ke-20 dan tahniah kepada semua graduan FPSK generasi ke-16 tahun 2023.

Semoga terus bersedia mencipta kejayaan yang lebih bermakna untuk diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Sejak awal pelaksanaan program ini pada tahun 2003, seramai 1,585 pelajar dan 32 buah kampung sekitar daerah Kudat telah mendapat manfaat.

Impak program ini bukan sahaja kepada pelajar, malah keluarga angkat terlibat, iaitu mereka berpeluang mendapat khidmat nasihat, motivasi dan pemeriksaan atas kesihatan hasil daripada lawatan pelajar terlibat, dan sekiranya keluarga angkat memerlukan rawatan kesihatan lebih lanjut, anak angkat mereka akan merujuk ke Klinik Komuniti RMEC, FPSK di Sukiati, Kudat. Rawatan di klinik ini adalah percuma.

Selain program PUPUK, FPSK turut melaksanakan beberapa aktiviti lain bersinergi SULAM iaitu Community Medicine Posting (CMP), Health Promotion

